

EMBARGO: Hanya boleh diterbit atau disebarluaskan mulai pada jam 1200, hari Khamis, 22 Disember 2022



JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA
PENAWARAN PEKERJAAN DIKLANKAN DALAM TALIAN DI MALAYSIA
SUKE TAHUN KETIGA 2022**

Kekosongan jawatan diiklankan dalam talian mencatatkan sedikit penurunan 5.9 peratus pada suku tahun ketiga 2022

PUTRAJAYA, 22 DISEMBER 2022 - Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menyarkan **Analisis Data Raya Job Market Insights: Penawaran Pekerjaan Diiklankan Dalam Talian di Malaysia**, bagi suku tahun ketiga 2022. Analisis yang dikeluarkan secara suku tahunan ini memaparkan statistik yang disusun berdasarkan kekosongan jawatan yang diiklankan dalam talian oleh beberapa portal pekerjaan swasta yang popular. Analisis ini juga menyediakan maklumat kekosongan jawatan yang ditawarkan oleh majikan secara dalam talian daripada pelbagai aspek seperti jenis pekerjaan, profil pekerjaan, industri dan negeri.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan, "Pada suku tahun ketiga 2022, bilangan kekosongan jawatan yang diiklankan dalam talian mencatatkan sedikit penurunan iaitu 5.9 peratus berbanding 27.0 peratus pada suku tahun sebelumnya dengan merekodkan 190,170 kekosongan (ST2 2022: 202,102 kekosongan). Sementara itu, kekosongan jawatan merekodkan kejatuhan pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak 1.2 peratus berbanding 158.2 peratus yang direkodkan pada ST3 2021. Melihat kepada perbandingan bulanan, kebanyakan kekosongan jawatan telah dicatatkan pada September 2022 sebanyak 69,991 kekosongan merangkumi 36.8 peratus daripada keseluruhan kekosongan jawatan pada ST3 2022. Sementara itu, pada Julai dan Ogos 2022 masing-masing terdapat sebanyak 54,086 dan 66,093 kekosongan."

Mengulas lanjut mengenai analisis data raya ini, Ketua Perangkawan turut menyatakan, "Bagi kekosongan jawatan diiklankan dalam talian mengikut kategori pekerjaan, Profesional menunjukkan sumbangan terbesar pada suku tahun tersebut dengan 46.1 peratus atau 87,587 kekosongan. Ini diikuti oleh 18.1 peratus (34,434) bagi kategori Juruteknik dan Profesional Bersekutu manakala Pengurus menyumbang 12.8 peratus (24,417). Pecahan selanjutnya mengikut pekerjaan popular pada suku tahun tersebut, terdapat permintaan yang lebih tinggi untuk Profesional Pengiklanan dan Pemasaran, Profesional Bersekutu Pentadbiran, Akauntan dan Juruaudit, Pengarah Urusan dan Ketua Eksekutif serta Pembangun Perisian".

Dari segi kekosongan jawatan mengikut keseluruhan sektor ekonomi, majoriti kekosongan jawatan diiklankan dalam talian tertumpu dalam sektor Perkhidmatan, meliputi sumbangan sebanyak 67.6 peratus atau 128,575 kekosongan pada ST3 2022. Analisis selanjutnya mengikut aktiviti ekonomi, Perdagangan Borong dan Runcit, Pembalikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal merupakan komposisi terbesar kekosongan jawatan diiklankan dalam talian, merekodkan 23.7 peratus (45,150) pada ST3 2022 manakala Pembuatan berada di kedudukan kedua dengan 21.5 peratus (40,903). Ini diikuti dengan kekosongan jawatan dalam kategori Aktiviti Profesional, Saintifik dan Teknikal (21,150) dan Penginapan dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan dan Minuman (13,161).

Ketua Perangkawan juga berkata “Pekerjaan popular yang ditawarkan dalam kategori Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) ialah pekerjaan Profesional Pengiklanan dan Pemasaran yang mencatatkan bilangan kekosongan jawatan tertinggi (14,949), diikuti oleh Profesional Bersekutu Pentadbiran (7,984) dan Pembangun Perisian (5,740). Bagi kategori Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), tiga (3) pekerjaan utama ialah Juruteknik (2,355), Pereka Grafik (1,604) dan Jurutera Perisian (1,511). Sementara itu, pekerjaan dengan permintaan tertinggi bagi Senarai Pekerjaan Kritikal (COL) ialah Profesional Pengiklanan dan Pemasaran (14,949), Akauntan dan Juruaudit (7,087) serta Pengarah Urusan dan Ketua Eksekutif (6,463).”

Berhubung dengan kekosongan jawatan diiklankan dalam talian mengikut negeri, kesemua negeri mencatatkan penurunan kekosongan jawatan dalam tempoh rujukan kecuali WP Labuan. Sementara itu, kekosongan jawatan tertinggi direkodkan di WP Kuala Lumpur dengan 79,183 kekosongan. Ini diikuti oleh Selangor (27,424), Johor (14,815) dan Pulau Pinang (6,340).

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin merumuskan, “Pada suku tahun ini, kedua-dua tenaga buruh dan pekerjaan terus meningkat secara beransur-ansur. Namun begitu, peluang pekerjaan dalam talian semasa yang dicatatkan pada suku tahun ini adalah lebih rendah berbanding suku tahun sebelumnya. Terdapat beberapa keadaan yang boleh mempengaruhi aktiviti pengambilan pekerja, yang mana antara lain adalah majikan masih selektif dalam pengambilan pekerja baharu bagi memenuhi pekerjaan kritikal sahaja. Situasi juga adalah mencabar untuk mendapatkan pekerja berkelayakan dengan limitasi kewangan yang dihadapi oleh para peniaga terutamanya semasa peningkatan inflasi dalam ekonomi. Tambahan lagi, terdapat kemahiran tertentu yang diperlukan oleh pemain industri sebagaimana yang disenaraikan pekerjaan paling popular semasa tempoh rujukan. Oleh itu, dalam senario di mana terdapat keperluan untuk meningkatkan pengeluaran barang dan perkhidmatan, secara langsung akan menyumbang kepada peluang pekerjaan bagi memenuhi permintaan industri.”


Analisis data raya ini bermanfaat kepada pengguna terutamanya golongan pencari kerja. Pencari kerja boleh mendapatkan informasi perincian mengenai penawaran pekerjaan diiklankan dalam talian di Malaysia melalui laman sesawang www.dosm.gov.my/bda-jmi.

EMBARGO: Hanya boleh diterbit atau disebarluaskan mulai pada jam 1200, hari Khamis, 22 Disember 2022

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.


DOSM juga menerbitkan statistik ekonomi dan sosial iaitu PocketStats yang mengandungi statistik suku tahunan dan tahunan yang boleh diperoleh dari portal DOSM atau melalui pautan https://bit.ly/PocketStats_2022.

Carta 1: Kekosongan Jawatan Diiklankan dalam Talian, ST3 2019 - ST3 2022




EMBARGO: Hanya boleh diterbit atau disebarluaskan mulai pada jam 1200, hari Khamis, 22 Disember 2022

Carta 2: Kekosongan Jawatan Diiklankan dalam Talian mengikut Pekerjaan, ST2 2022 - ST3 2022




Paparan 1: Kekosongan Jawatan Tertinggi Diiklankan dalam Talian mengikut TVET, STEM dan COL, ST2 2022 - ST3 2022



EMBARGO: Hanya boleh diterbit atau disebarluaskan mulai pada jam 1200, hari Khamis, 22 Disember 2022

Paparan 2: Kekosongan Jawatan Diiklankan dalam Talian mengikut Sektor, ST2 2022 - ST3 2022



Paparan 3: Kekosongan Jawatan Diiklankan dalam Talian mengikut Negeri, ST2 2022 - ST3 2022



Nota: Statistik dari laporan ini hendaklah ditafsirkan dengan berhati-hati disebabkan keterbatasan data analisis data raya (menggunakan kaedah *web scraping*) dan tidak menggambarkan populasi sebenar kekosongan jawatan.

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
22 DISEMBER 2022**



DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT
JOB VACANCIES ADVERTISED ONLINE IN MALAYSIA
THIRD QUARTER OF 2022**

Job vacancies advertised online registered a slight decrease of 5.9 per cent in the third quarter of 2022

PUTRAJAYA, 22 DECEMBER 2022 - Today, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) published ***Big Data Analytics Job Market Insights: Job Vacancies Advertised Online in Malaysia***, for the third quarter of 2022. The quarterly released analysis, features statistics compiled based on job vacancies advertised online by several popular private recruitment portals. The analysis also provides information on job vacancies offered by employers via online from various aspects such as job type, job profile, industry and state.

Chief Statistician of Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin stated, "In the third quarter of 2022, the number of job vacancies advertised online registered a slight decrease of 5.9 per cent as against 27.0 per cent in the preceding quarter to record 190,170 vacancies (Q2 2022: 202,102 vacancies). Meanwhile, job openings recorded a decline year-on-year growth of 1.2 per cent as compared 158.2 per cent recorded in Q3 2021. Looking at the monthly basis, most of the job vacancies were posted on September 2022 at 69,991 openings which made up 36.8 per cent of total job vacancies in Q3 2022. In the meantime, there were 54,086 and 66,093 vacancies in July and August 2022, respectively."

Commenting further on the data analysis, Chief Statistician also stated, "As for job vacancies advertised online by occupation category, Professionals comprised the largest share during the quarter with 46.1 per cent or 87,587 vacancies. This was followed by 18.1 per cent (34,434) in the category of Technicians and Associate Professionals while Managers accounted for 12.8 per cent (24,417). On further disaggregation of the hottest job during the quarter, there were higher demand for Advertising and Marketing Professionals, Administrative Associate Professionals, Accountants and Auditors, Managing Directors and Chief Executives, and Software Developers."

In terms of vacancies by overall economic sector, the majority of job vacancies advertised online were concentrated in the Services sector, comprising 67.6 per cent or 128,575 vacancies in Q3 2022. Further analysis by economic activity, Wholesale and Retail Trade; Repair of Motor Vehicles and Motorcycles made up the largest composition of job vacancies advertised online, recording 23.7 per cent (45,150) in Q3 2022 while Manufacturing came in second with 21.5 per cent (40,903). This was followed by job openings in the category of Professional, Scientific and Technical Activities (21,150) and Accommodation and Food Service Activities (13,161).

Chief Statistician also said “Popular jobs offered in the Technical and Vocational Education and Training (TVET) category was Advertising and Marketing Professionals occupation which registered the highest number of vacancies (14,949), followed by Administrative Associate Professionals (7,984) and Software Developers (5,740). As for the Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM) category, the top three (3) jobs were Technician (2,355), Graphic Designer (1,604) and Software Engineer (1,511). In the meantime, highest demand jobs for Critical Occupation List (COL) was Advertising and Marketing Professionals (14,949), Accountants and Auditors (7,087) as well as Managing Directors and Chief Executives (6,463).”

Pertaining to job vacancies advertised online by states, all states posted a decline in vacancies during the reference period except for WP Labuan. In the meantime, the highest job vacancies were registered in WP Kuala Lumpur with 79,183 openings. This was followed by Selangor (27,424), Johor (14,815) and Pulau Pinang (6,340).

Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin concluded, “During this quarter, both labour force and the employment continued to expand gradually. Nevertheless, the current job opportunities registered online in this quarter are slightly lower than the preceding quarter. There were several circumstances that may influence the hiring activities, among others, employers were still selective in hiring new employees to fill up the critical occupations. It may also be challenging to find qualified employees with tight budgets that businesses are facing particularly during the increase of inflation in the economy. Furthermore, there are certain required skills demanded by the industry player as listed out in the most popular occupations during the reference period. Hence, in the scenario where there is a need for more production of goods and services, this will directly contribute to the job creation to meet the demand of the industry.”

The big data analytics beneficial to users, especially job seekers. Job seekers can get detailed information on job offers advertised online in Malaysia through the website www.dosm.gov.my/bda-jmi.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1st January 2022 to 31st December 2022. DOSM greatly appreciates the cooperation given by selected

respondents by sharing their information with DOSM and making the survey a success. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM also released economic and social statistics, namely PocketStats which contain quarterly and annual statistics that can be obtained from the DOSM portal or via the link https://bit.ly/PocketStats_2022.

Chart 1: Job Vacancies Advertised Online, Q3 2019 - Q3 2022





Chart 2: Job Vacancies Advertised Online by Occupation, Q2 2022 - Q3 2022



**Exhibit 1: Job Vacancies Advertised Online by TVET, STEM and COL,
Q2 2022 - Q3 2022**

TVET	STEM	COL
Q3 2022	Q2 2022	Q3 2022
Advertising and Marketing Professionals 14,949	Advertising and Marketing Professionals 15,221	Technician 2,355
Administrative Associate Professionals 7,984	Administrative Associate Professionals 8,211	Graphic Designer 1,604
Software Developers 5,740	Software Developers 5,168	Software Engineer 1,511
Public Relations Professionals 5,178	Public Relations Professionals 4,742	Project Manager 1,268
Administrative Professionals 4,565	Administrative Professionals 4,675	Engineer 1,055
Q2 2022	Q3 2022	Q2 2022
Technician 3,627	Graphic Designer 1,733	Advertising and Marketing Professionals 14,949
Software Engineer 1,391	Managing Directors and Chief Executives 6,463	Accountants and Auditors 7,087
Project Manager 1,099	Software Developers 5,740	Managing Directors and Chief Executives 7,207
Engineer 1,571	Industrial and Production Technicians 4,415	Software Developers 5,168
Industrial and Production Technicians 6,061		Industrial and Production Technicians 6,061

Exhibit 2: Job Vacancies Advertised Online by Sector, Q2 2022 - Q3 2022





Exhibit 3: Job Vacancies Advertised Online by State, Q2 2022 - Q3 2022



Note: The statistics from this report must be interpreted with caution due to the data limitation as it is gathered via big data analytics (using web scraping techniques) and does not reflect the actual population of job vacancies.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
22 DECEMBER 2022**